



KENYATAAN MEDIA
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Akses Laman Lucah Kanak-Kanak

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) ingin merujuk kepada satu laporan *The Malaysian Insider* berkenaan Pemantauan FBI Terhadap Pengguna Internet Malaysia yang Akses Laman Lucah Kanak-Kanak.

KPWKM memandang serius akan sebarang aktiviti orang perseorangan atau sindiket yang melibatkan kanak-kanak dalam laman lucah atau salah laku seksual. Akta Kanak-Kanak 2001, telah menyenaraikan aktiviti mengambil kanak-kanak bekerja sebagai pelacur atau maksud lucah di bawah seksyen 43, sebagai kesalahan yang boleh dikenakan denda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 15 tahun atau kedua-duanya sekali.

KPWKM juga amat prihatin tentang penglibatan kanak-kanak dalam dunia siber kerana aktiviti ini mendedahkan mereka kepada risiko **cyber-bullying, cyber-grooming, pencurian identiti (*identity theft*), pornografi kanak-kanak (*child pornography*) dan keganasan**. Sehubungan itu, KPWKM telah melancarkan Pelan Tindakan Perlindungan Kanak-Kanak Dalam Dunia Siber yang bertujuan untuk memastikan setiap kanak-kanak mendapat perlindungan daripada ancaman siber. Pelan Tindakan ini merangkumi program dan tindakan bersepadu yang perlu dilaksanakan oleh semua pihak dalam melindungi kanak-kanak dalam dunia siber serta sebagai pemangkin dalam meningkatkan kesedaran dan komitmen setiap anggota masyarakat terutamanya ibu bapa, penjaga, guru, komuniti dan NGO.

KPWKM menyambut baik usaha Bahagian Siasatan Jenayah Seksual dan Penderaan (D11), Jabatan Siasatan Jenayah, Bukit Aman untuk membentuk Unit Jenayah Siber Kanak-Kanak bagi mengenal pasti pelaku pedofilia dan salah laku seks yang menasarkankan kanak-kanak di alam siber. Usaha ini dapat memberi tumpuan terhadap mangsa kanak-kanak terlibat dan juga tindakan khusus terhadap mereka yang melakukan eksploitasi jenayah berkenaan. Data terhadap salah laku seksual terhadap kanak-kanak akan menjadi lebih komprehensif dan perancangan pencegahan yang lebih rapi dapat dihasilkan di masa depan.

Sehubungan itu, KPWKM juga mengalu-alukan persetujuan D11 memantau pergerakan pesalah laku seksual, terutamanya pesalah pedofilia yang sudah menjalani hukuman penjara di bawah Akta Pendaftaran Pesalah Laku Seksual. Langkah ini dapat menjamin mereka yang mempunyai kecenderungan melakukan salah laku seksual terhadap kanak-kanak tidak berpeluang untuk mendekati atau menceburi industri yang memberi perkhidmatan kepada kanak-kanak seperti pengasuh taska, pekebun di sekolah atau pemandu bas sekolah.

Selain menghukum dengan sistem perundangan dan mekanisme mengasingkan bekas pesalah laku dengan kanak-kanak, apa yang paling penting adalah kesedaran di kalangan masyarakat untuk melindungi kanak-kanak kita dalam alam siber. Dunia siber yang tiada sempadan membuka ruang untuk kanak-kanak memperolehi maklumat tetapi ia juga menampilkan risiko yang boleh menjejaskan kesejahteraan dan kebajikan mereka. Oleh itu, perlindungan amat diperlukan memandangkan sifat kanak-kanak yang masih belum matang dari segi fizikal, mental dan emosi agar mereka tidak dieksploitasikan oleh golongan yang tidak bertanggungjawab. Bimbingan dan pengawasan oleh semua anggota masyarakat terdiri daripada ibu bapa, penjaga, guru, komuniti dan NGO untuk memainkan peranan mereka bagi membendung masalah sosial yang tidak diingini berleluasa. Justeru, adalah diharapkan agar setiap agensi, organisasi dan anggota masyarakat dan juga *stakeholder* memberi keutamaan kepada perlindungan kanak-kanak dalam dunia siber sebagai tanggungjawab bersama.